

## Peranan Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Pembangunan Manusia dan Pertumbuhan Ekonomi

Rabiatul Adawiyah Mohd Dzubaidi  
Rahmah Ismail  
Tamat Sarmidi

Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mail: rabiatuldzubaidi@gmail.com

### ABSTRAK

Perbelanjaan kerajaan semakin meningkat setiap tahun khususnya dalam sektor pendidikan dan kesihatan bagi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Antara isu yang dibincangkan adalah adakah perbelanjaan kerajaan benar-benar mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sejauhmana perbelanjaan kerajaan ini dapat mempengaruhi pembangunan manusia yang seterusnya memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi. Diketahui bahawa perbelanjaan kerajaan tidak memberi kesan secara langsung atau terus terhadap pertumbuhan ekonomi. Tetapi apabila perbelanjaan ini diperuntukkan dalam sektor pendidikan dan kesihatan yang mana ia dilihat dalam skop untuk mempertingkatkan pembangunan manusia yang berhubung dengan kualiti hidup, secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara perbelanjaan kerajaan untuk sektor kesihatan dan pendidikan kepada pertumbuhan ekonomi melalui saluran pembangunan manusia. Antara sumbangan kajian ke atas polisi adalah perbelanjaan kerajaan ke atas sektor pendidikan dan kesihatan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi yang mana peruntukan perbelanjaan ini perlu ditingkatkan selaras dengan objektif kerajaan atau pembuat dasar di Malaysia. Manakala sumbangan kajian ini ke atas kajian-kajian lepas adalah kajian ini mengembangkan skop perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi melalui saluran pembangunan manusia yang mana kajian-kajian sebelum ini hanya memfokuskan secara berasingan antara pertumbuhan ekonomi dan pembangunan manusia. Metod yang digunakan adalah *Two-Stage Least Squares* (2SLS) melalui model persamaan serentak '*Simultaneous-Equation Models*'. Hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapat hubungan positif antara perbelanjaan kerajaan dan pembangunan manusia yang seterusnya memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi.

Kata Kunci: Perbelanjaan Kerajaan, Pembangunan Manusia, Pertumbuhan Ekonomi.

### ABSTRACT

*Government spending is increased each year especially in education and health sectors. The issue arise when the spending did not contribute to the human development and the economic growth. As we know that the government spending have no direct effect in economic growth but the effect only can seen thought the human development from the quality of life and economic growth. Therefore, the aim of this study is to investigate the relationship between government spending in health and education sectors through human development channel. This study helps to contributed on the education and health sectors and help an equal balance between the government spending and economic growth. Review from the past studies shown that, their finding is focus more to separation between economic contribution and human development but this study is aim to see the both of the impact together. The methodology that used in this study is Two-Stage Least Squares (2SLS) through Simultaneous-Equation Model. The results from the finding shows that government spending have a positive relationship between human development. In addition, this impact helps on the economic growth of the both sectors.*

*Keywords: Government Spending, Human Development, Economic Growth.*

## **PENGENALAN**

Perbelanjaan kerajaan merupakan elemen penting bagi sesebuah negara bagi membolehkan sesuatu perancangan negara dilaksanakan. Peruntukan belanjawan melalui bajet tahunan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri mempunyai strategi yang tersendiri bagi memastikan kekayaan negara terus berkembang dan dapat dinikmati seluruh rakyat di samping meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan negara secara keseluruhannya. Mohd Zainudin Saleh (2004) menyatakan di Malaysia misalnya, perbelanjaan kerajaan ini telah menyumbang ke arah pengembangan kapasiti pengeluaran ekonomi terutamanya melalui pembangunan sumber manusia, kemajuan teknologi, penyediaan infrastruktur serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kerajaan juga memberi tumpuan kepada projek yang boleh menyokong strategi pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta terutamanya dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi memenuhi keperluan ekonomi moden dan masyarakat yang semakin berkemampuan.

Semua dasar, strategi dan program yang dilaksanakan kerajaan melalui perbelanjaannya pada asasnya bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat yang mana ia melibatkan pembangunan manusia sebagaimana yang dinyatakan oleh Ab. Razak Dan (2004). Ia merupakan keupayaan kumpulan untuk menentukan dan membangunkan masa depan yang melibatkan satu proses penciptaan dan pembangunan kualiti hidup. Perancangan dan strategi kerajaan dalam pelbagai bidang khususnya pendidikan, kesihatan serta kemudahan infrastruktur melalui perbelanjaan kerajaan adalah penting bagi membina kehidupan yang lebih baik dan dilihat sebagai pelaburan bagi pertumbuhan ekonomi.

Secara umumnya, jumlah perbelanjaan kerajaan semakin meningkat setiap tahun. Ini dapat dilihat pada tahun 2010, jumlah perbelanjaan kerajaan adalah sebanyak RM204.4 bilion berbanding pada tahun 1990 iaitu sebanyak RM35.7 bilion dan tahun 2000 sebanyak RM84.4 bilion. Dalam sektor pendidikan, ia adalah bagi memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, projek membina dan menaiktaraf sekolah, asrama, kemudahan dan peralatan serta memartabatkan professional perguruan. Begitu juga dalam sektor kesihatan yang merangkumi perbelanjaan untuk membina dan menaiktaraf hospital, menambah bilangan doktor dan jururawat serta bekalan ubat dan peralatan di samping perluasan klinik 1Malaysia.

Dari aspek pembangunan manusia pula, Laporan UNDP (2011) menyatakan Malaysia berada pada kedudukan 61 daripada 187 buah negara dengan nilai Indeks Pembangunan Manusia iaitu 0.761 dalam kategori tahap pembangunan yang tinggi. Ia mengambil kira aspek Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita, jangkaan hayat dan juga akses kepada pengetahuan yang dikur melalui purata tahun penerimaan pendidikan dewasa dan jangkaan tahun kemasukan sekolah. Seterusnya bagi pertumbuhan ekonomi, Norain et al. (2010) menyatakan bermula pada tahun 1980-an, Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang tinggi berikutan tindakan kerajaan membangunkan sektor perindustrian serta mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur menerusi kerjasama dan gandingan ekonomi dengan negara Asia termaju iaitu Jepun. Seterusnya usaha kerajaan meliberalisasi sektor domestik bagi menarik kemasukan pelaburan asing pula dilihat telah merancakkan lagi pertumbuhan output tahun 1990-an.

Antara isu yang dibincangkan adalah adakah perbelanjaan kerajaan benar-benar mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sejauhmana perbelanjaan kerajaan ini dapat mempengaruhi pembangunan manusia dalam memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara perbelanjaan kerajaan untuk sektor kesihatan dan pendidikan kepada pertumbuhan ekonomi melalui saluran pembangunan manusia. Penulisan akan membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan perbelanjaan kerajaan, pembangunan manusia dan pertumbuhan ekonomi, data dan spesifikasi model, dapatan kajian dan juga kesimpulan.

## **KAJIAN LEPAS**

Beberapa kajian berkaitan perbelanjaan kerajaan, pembangunan manusia dan pertumbuhan ekonomi telah dijalankan sama ada secara teori atau empirikal mengikut kajian kes masing-masing. Pertama, kajian berkaitan perbelanjaan kerajaan kebanyakan menjurus kepada kesan terhadap pertumbuhan ekonomi mengikut perbelanjaan dalam sektor tertentu. Sebagai contoh, kajian-kajian yang dijalankan oleh Craigwell et al. (2012), Teles dan Andrade (2008) dan Shamsudin Razali (2006) mengkhususkan perbelanjaan negara dalam sektor pendidikan dan kesihatan yang dianggap sebagai pelaburan dalam pembangunan manusia sebagai cara meningkatkan kualiti hidup dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Ini adalah kerana perbelanjaan bagi kedua-dua sektor membawa kepada kecekapan sumber

penggunaan yang mengakibatkan produktiviti yang lebih tinggi dan peningkatan tahap pendapatan seterusnya dalam pengeluaran ekonomi.

Berbanding kajian yang dilakukan oleh Kalyoncu dan Yucel (2006) serta Lee dan Chang (2006) yang mengkhususkan kepada perbelanjaan pertahanan dan keselamatan sosial juga memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, terdapat juga kajian yang menghubungkan perbelanjaan ini kepada pembangunan manusia dalam mencapai pertumbuhan ekonomi. Kajian Muhammad Azeem Qureshi (2009) mendapati bahawa kesan perbelanjaan awam khusus dalam sektor pendidikan dan kesihatan terhadap pembangunan manusia membawa kepada petunjuk ekonomi yang lebih baik dalam meningkatkan prestasi sosio-ekonomi seterusnya membawa kepada pertumbuhan ekonomi. Kajian ini merupakan lanjutan daripada kajian yang dilakukan sebelum ini yang menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak membawa kepada petunjuk pembangunan manusia yang lebih baik yang mana perbelanjaan yang tinggi pada pendidikan dan kesihatan akan menghasilkan keputusan yang lebih baik walaupun ekonomi tumbuh pada kadar yang rendah.

Kedua, kajian berkaitan pembangunan manusia yang mana secara teori, kebanyakan kajian hanya mendefinisikan konsep tersebut sebagai perluasan pilihan dan keupayaan manusia dalam mencapai kehidupan yang panjang dan sihat, berpengetahuan dan mempunyai taraf hidup yang sihat. Muhammad Azeem Qureshi (2008) menyatakan pendidikan dan kesihatan merupakan komponen pembangunan manusia yang mana dilihat sebagai pembentukan persekitaran kepada produktiviti buruh yang efisien dan perubahan teknologi melalui tahap kesihatan dan nutrisi yang mencukupi. Dari segi ukuran pula, kebanyakan kajian menggunakan Indeks Pembangunan Manusia yang melibatkan elemen jangkaan hayat, kadar celik huruf, kadar kemasukan ke sekolah dan taraf hidup yang diukur melalui pendapatan per kapita. Selain itu, kajian Azmat Gani dan Prasad (2007) mengaitkan Indeks Pembangunan Manusia dengan jaminan makanan, Reiter dan Steensma (2010) mengaitkannya dengan pelaburan langsung asing manakala Constantini dan Monni (2008) pula menghubungkan indeks tersebut dalam skop globalisasi yang merangkumi keterbukaan perdagangan dan kualiti institusi seperti struktur sektor kewangan dan pelaburan infrastruktur.

Ketiga, kajian berkaitan pertumbuhan ekonomi yang melibatkan pelbagai elemen yang membawa kepada peningkatan pendapatan yang biasanya diukur melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita. Muhammad Azeem Qureshi (2009) menggunakan modal fizikal awam dan swasta, indeks pendidikan dan kesihatan dan jumlah buruh sebagai instrumen kepada pertumbuhan ekonomi. Berbanding kajian Reiter dan Steensma (2010) mengaitkan pelaburan langsung asing yang secara tidak langsung menyediakan modal dan peluang pekerjaan melalui perpindahan teknologi khusus di peringkat firma dalam peningkatan pendapatan. Suri et al. (2011) pula berpendapat, selain daripada pembangunan manusia, pelaburan domestik dan asing, teknologi dan keterbukaan perdagangan juga merupakan input penting kepada pertumbuhan ekonomi. Begitu juga penukaran pertumbuhan ekonomi kepada pembangunan ekonomi bergantung kepada peruntukan awam dan swasta daripada KDNK, pengagihan pendapatan dan perbelanjaan efektif terhadap pembangunan manusia.

## DATA DAN SPESIFIKASI MODEL

Analisis empirikal merangkumi satu set data tahunan Malaysia dalam tempoh 31 tahun iaitu dari tahun 1980 hingga 2010. Antara pemboleh ubah yang digunakan adalah Indeks Pembangunan Manusia (HDI), jumlah perbelanjaan kerajaan, jumlah perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan dan kesihatan, Keluaran Dalam Negara (KDNK) per kapita benar, populasi bandar serta akses kepada sumber air dan kemudahan sanitasi. Bagi HDI ia melibatkan beberapa petunjuk yang diukur melalui jangkaan hayat, kadar celik huruf, kadar kemasukan ke sekolah dan KDNK. Kesemua pemboleh ubah tersebut ditranformasikan dalam bentuk logaritma dan data diperoleh daripada Laporan Ekonomi (pelbagai tahun), data Jabatan Statistik, data Kementerian Kewangan dan data Bank Dunia. Dua model bentuk linear dapat diterbitkan iaitu:

$$\ln\text{HDI} = a_0 + a_1\ln\text{EE} + a_2\ln\text{HE} + a_3\ln\text{Urban} + a_4\ln\text{Water} + a_5\ln\text{Sanitation} + e_1 \text{-----} (1)$$

$$\ln Y = b_0 + b_1\ln\text{GE} + b_2\ln\text{HDI} + b_3\ln K + b_4\ln(s+g+n) + e_2 \text{-----} (2)$$

Dimana,

HDI = Indeks Pembangunan Manusia (HDI)

GE = Jumlah perbelanjaan kerajaan (peratus daripada KDNK)

EE = Jumlah perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan (peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan)  
HE = Jumlah perbelanjaan kerajaan dalam sektor kesihatan (peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan)  
Urban = Jumlah penduduk bandar (peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk)  
Water = Pembaikan sumber air (peratus daripada penduduk yang mendapat akses air)  
Sanitation = Pembaikan kemudahan sanitasi (peratus daripada penduduk yang mendapat akses kemudahan)  
Y = KDNK per kapita benar  
K = Stok modal  
n+g+s = Kadar pertumbuhan populasi dan teknologi serta kadar susut nilai modal  
a<sub>0</sub>, a<sub>1</sub>, a<sub>2</sub>, a<sub>3</sub>, a<sub>4</sub>, a<sub>5</sub>, b<sub>0</sub>, b<sub>1</sub>, b<sub>2</sub> = parameter  
e<sub>1</sub>, e<sub>2</sub> = ralat

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis deskriptif setiap pemboleh ubah yang dikaji melibatkan nilai purata (*mean*), sisihan piawai (*standard deviation*) dan kepencongan (*skewness*). Secara purata bagi tempoh tahun 1980 hingga 2010, Indeks Pembangunan Manusia ialah 0.574. KDNK per kapita benar pula adalah sebanyak RM12716.77. Bagi perbelanjaan pendidikan dan kesihatan, nilai purata masing-masing adalah 20.35 peratus dan 5.72 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan manakala nilai purata perbelanjaan kerajaan ialah 28.64 peratus daripada KDNK. Begitu juga dengan penduduk bandar, nilai purata adalah 56.29 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk, akses sumber air dan kemudahan sanitasi masing-masing adalah 98.04 peratus dan 91.57 peratus yang mendapat liputan keduanya. Bagi stok modal, nilai purata ialah RM8844.23 juta manakala bagi kadar pertumbuhan teknologi dan penduduk serta kadar susut nilai modal (n+g+s) ialah 12.4 peratus.

Seterusnya bagi jadual 2 pula menunjukkan nilai purata Indeks Pembangunan Manusia (HDI) bagi sesuatu tempoh tertentu. Diketahui bahawa tahap pembangunan manusia terbahagi kepada tiga iaitu tahap pembangunan manusia tinggi, sederhana dan rendah. Bagi tahap pembangunan manusia tinggi melibatkan HDI antara nilai 0.80 hingga 1.0, sederhana antara nilai 0.51 hingga 0.79 dan rendah antara nilai HDI 0.0 hingga 0.50. Secara umum, nilai purata HDI semakin meningkat bagi setiap tempoh tertentu. Bagi tempoh tahun 1980-1985 dan tahun 1986-1990, Malaysia berada pada tahap pembangunan manusia yang rendah yang mana purata HDI adalah 0.151 dan 0.369. Namun dalam tempoh tahun 1991-2000, negara berada dalam tahap pembangunan manusia sederhana dengan purata HDI ialah 0.538 dan 0.708. Seterusnya nilai purata HDI ini semakin meningkat bagi tempoh tahun 2001-2005 dan tempoh tahun 2006-2010 dengan nilai purata HDI ialah 0.825 dan 0.941 pada tahap pembangunan manusia tinggi.

Jadual 3 pula menunjukkan hasil ujian kepegungan aras pada tahap paras dan tahap bezaan pertama. Keputusan menunjukkan bahawa hipotesis nul bagi semua pemboleh ubah siri masa gagal ditolak dalam kepegungan tahap paras yang mana wujud masalah *unit root test* menunjukkan data pemboleh ubah adalah tidak pegun. Walaubagaimanapun, pada aras keertian 5 peratus, semua pemboleh ubah adalah signifikan pada ujian pembezaan pertama. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak bagi ujian bezaan pertama bagi semua siri masa. Didapati kesemua pemboleh ubah pegun pada peringkat pembezaan pertama. Ini bererti kesemua pemboleh ubah tersebut pegun atau berintegrasi pada darjah 1, I(1). Seterusnya hasil penganggaran tahap pertama bagi persamaan (1) adalah seperti berikut:

$$\ln \text{HDI} = -17.55 + 0.009 \ln \text{EE} + 0.269 \ln \text{HE} + 0.763 \ln \text{Urban} + 0.238 \ln \text{Water} + 2.758 \ln \text{Sanitation} + e_1$$

$$t = \begin{matrix} (-1.773) & (0.069) & (1.404) & (1.226) & (0.065) & (1.150) \end{matrix}$$
$$R^2 = 0.97$$

Hasil menunjukkan kesemua pemboleh ubah penerang adalah positif tetapi tidak signifikan pada aras keertian 1 peratus, 5 peratus dan 10 peratus. Ini menunjukkan perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan dan kesihatan, jumlah penduduk bandar serta akses kepada sumber air dan kemudahan sanitasi tidak memberi kesan kepada HDI. Hasil ini berbeza dengan hasil yang dilakukan oleh Craigwell et al. (2012) yang menunjukkan perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan dan kesihatan adalah positif dan signifikan terhadap jangkaan hayat dan kadar kemasukan ke sekolah

dengan menyatakan teori bahawa kedua-dua perbelanjaan ini membawa kepada kecekapan sumber penggunaan yang mengakibatkan produktiviti yang lebih tinggi serta peningkatan tahap pendapatan. Namun bagi pemboleh ubah penduduk bandar, kajian Craigwell et al. (2012) juga mendapati ianya tidak signifikan walaupun nilai pekali yang diperolehi adalah positif. Ranis et al. (2000) juga mendapati bahawa perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan dan kesihatan memberi kesan kepada jangkaan hayat sebagai proksi kepada pembangunan manusia di samping elemen lain seperti KDNK per kapita. Namun perlu dijelaskan di sini bahawa hasil kajian kedua-dua kajian lepas ini tidak menggunakan pendekatan indeks dalam mengukur hubungan pembangunan manusia. Dengan kata lain, kajian Craigwell et al. (2012) dan Ranis et al. (2000) menggunakan jangkaan hayat dan kadar kemasukan ke sekolah sebagai proksi kepada pembangunan manusia.

Seterusnya hasil penganggaran tahap kedua yang mana '*estimated value*' yang diperolehi daripada penganggaran persamaan (1) dimasukkan ke dalam persamaan (2).

$$\ln Y = b_0 + b_1 \ln GE + b_2 \ln HDI + b_3 \ln K + b_4 \ln (s+g+n) + e_2 \text{ ----- (2.1)}$$

$$\ln Y = -1.334 + 0.212 \ln GE + 0.244 \ln HDI + 0.132 \ln K - 0.215 \ln (s+g+n) + e_2 \text{ ----- (2.2)}$$

$$t = (-1.895) \quad (2.589)** \quad (6.380)** \quad (5.798)** \quad (-2.049)**$$

$$R^2 = 0.97$$

Nota: \*\*Signifikan pada aras keertian 5 peratus

Bagi hasil regresi tahap kedua (*two-stage least square*), ia dilakukan dalam model kedua yang berasaskan kepada teori neo-klasik iaitu model pertumbuhan Solow sebagaimana yang telah dijalankan dalam kajian Hakeem (2010) yang mengambilkira faktor pertumbuhan populasi, teknologi, simpanan dan kadar susut nilai modal fizikal. Ukuran pertumbuhan dilihat melalui nilai benar pendapatan per kapita dan diandaikan kadar pertumbuhan teknologi dan susut nilai sebanyak 5 peratus. Secara umum, kesemua pemboleh ubah adalah berhubung positif dan signifikan dengan KDNK per kapita benar pada aras keertian 5 peratus kecuali bagi pemboleh ubah  $s+g+n$  yang berhubung negatif tetapi signifikan. Ini adalah kerana pemboleh ubah ini melibatkan pertumbuhan populasi yang berhubung negatif dengan pertumbuhan ekonomi sebagaimana yang dikemukakan dalam teori pertumbuhan Solow yang telah dijalankan dalam kajian Hakeem (2010). Selain itu juga, hasil penganggaran ini juga menunjukkan nilai  $R^2$  yang tinggi sebanyak 0.97. Didapati peningkatan 1 peratus dalam perbelanjaan kerajaan dapat meningkatkan 0.212 peratus KDNK per kapita benar.

Keputusan yang sama ditunjukkan melalui kajian Yee (2009) melalui Model Kesan Tetap dan Model Kesan Rawakterhadap perbelanjaan kerajaan dan komposisinya yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi melalui penekanan dalam sektor pembuatan. Ia juga perlu disokong oleh rangkaian teknologi yang tinggi dalam memperkukuhkan daya saing sektor. Begitu juga dengan HDI yang mana peningkatan 1 peratus dalam HDI akan meningkatkan 0.244 peratus dalam KDNK per kapita benar. Seterusnya bagi pemboleh ubah stok modal di mana peningkatan 1 peratus akan meningkatkan 0.132 peratus dalam KDNK per kapita benar. Ini menunjukkan bahawa selain daripada elemen perbelanjaan dan pembangunan manusia, elemen susut nilai modal, pertumbuhan teknologi dan populasi juga mempengaruhi KDNK per kapita benar.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menyamai kebanyakan hasil kajian lepas. Yang membezakan kajian ini dengan yang lain adalah pengkhususan elemen yang dikaji. Sebagai contoh, dari aspek hubungan perbelanjaan dan pertumbuhan ekonomi, sebahagian kajian lepas memfokuskan kepada sub-perbelanjaan kerajaan seperti yang dijalankan oleh Kalyoncu dan Yucel (2006) dalam perbelanjaan pertahanan dan juga kajian oleh Lee dan Chang (2006) dalam perbelanjaan keselamatan. Namun begitu kajian Muhammad Azeem Qureshi (2009) dan Marjan Senjur (1996) memfokuskan perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan dan kesihatan sebagai elemen penting dalam modal insan yang menggerakkan aktiviti ekonomi secara keseluruhannya.

Selain itu, hubungan pembangunan manusia dan pertumbuhan ekonomi adalah saling berkait. Beberapa pembuktian dijalankan ke atas kedua-duanya yang menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan. Antaranya adalah kajian yang dijalankan Suri et al. (2011), Constantini dan Monni (2008) dan juga Ranis et al. (2000). Secara rasionalnya, pembangunan manusia membawa kepada keupayaan agen-agen ekonomi dalam pengurusan organisasi, pembangunan dan penyelidikan (R&D) dan penciptaan penyelidikan bagi peningkatan output. Namun ianya perlu disokong oleh modal insan yang memerlukan input seperti pendidikan dan latihan serta kesihatan dalam pergerakan aktiviti ekonomi.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perbelanjaan kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan manusia di mana peruntukan belanjawan disalurkan kepada sektor-sektor utama khususnya pendidikan dan kesihatan sebagai asas bagi jaminan kualiti manusia dan pembangunan negara. Ia dapat dibuktikan melalui penganggaran yang dilakukan di mana perbelanjaan kerajaan dan petunjuk pembangunan manusia yang positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi yang dilihat melalui nilai benar pendapatan per kapita. Namun begitu, beberapa perkara penting harus diteliti dalam merumuskan kajian ini. Pertama dari aspek perbelanjaan kerajaan yang mana perancangan dan pemilihan projek perlu dilakukan berasaskan keutamaan. Oleh itu, penekanan yang diberikan oleh kerajaan dalam memperuntukan belanjawan adalah langkah yang berkesan dalam memenuhi kehendak komersial dan industri dengan membekalkan tenaga kerja yang sihat dan berkemahiran tinggi.

Kedua dari aspek pembangunan manusia yang melibatkan komponen pendidikan dan kesihatan seperti kadar celik huruf dan jangkaan hayat bukan sahaja dilihat dari aspek aktiviti manusia bahkan input kepada pembangunan. Ia harus dilihat sebagai objektif penting dalam pertumbuhan ekonomi kerana ia merupakan salah satu cara bagi mencapai tahap produktiviti yang tinggi yang meletakkan setiap lapisan rakyat dalam proses perancangan pembangunan. Ketiga dari aspek pertumbuhan ekonomi bukan sahaja dicapai melalui perbelanjaan kerajaan semata-mata, malah ia juga disokong oleh elemen lain seperti pelaburan domestik dan asing, teknologi, keterbukaan perdagangan serta sektor perkhidmatan yang lain. Justeru perbelanjaan kerajaan adalah salah satu elemen penting yang menyokong pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan manusia dalam meningkatkan sumber tenaga kerja yang berkualiti dalam menggerakkan kegiatan ekonomi keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Ab. Razak Dan. 2004. Kajian Ekonomi Pembangunan. Dlm. Nor Aini Idris & Ab. Razak Dan (pnyt). *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*, hlm. 45-73. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 2004. Memikir semula persoalan pembangunan manusia: Antara teori dan realiti. *Akademika* 64: 15-26.
- Azmat Gani & Prasad, B.C. 2007. Food security and human development. *International Journal of Social Economics* 34(5): 310-319.
- Constantini, V. & Monni, S. 2008. Environment, human development and economic growth. *Ecological Economics* 64: 867-880.
- Craigwell, R. et al. 2012. The effectiveness of government expenditure on education and health care in the Caribbean. *International Journal of Development Issues* 11(1): 4-18.
- Hakeem, M.I. 2010. Banking development, human capital and economic growth in Sub-Saharan Africa (SSA). *Journal of Economic Studies* 37(5): 557-577.
- Kalyoncu, K. & Yucel, F. 2006. An analytical approach on defense expenditure and economic growth: The case of Turkey and Greece. *Journal of Economic Studies* 33(5): 336-343.
- Lee, C.C. & Chang, C.P. 2006. Social security expenditure and economic growth: A heterogeneous panel application. *Journal of Economic Studies* 33(5): 386-404.
- Migoya A.D. & Aldanondo L.G. 2011. Local human development in crisis contexts. *International Journal of Social Economics* 38(6): 498-515.
- Mohd Zainudin Saleh. 2004. Pendekatan pembiayaan untuk pembangunan. Dlm. Nor Aini Idris & Ab. Razak Dan (pnyt). *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*, hlm. 146-166. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Azeem Qureshi. 2009. Human development, public expenditure and economic growth: a system dynamics approach. *International Journal of Social Economics* 36(1): 93-104.
- Norain et. al. 2010. Komposisi perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi: kajian empirikal di Malaysia. *Jurnal Kemusiaan* (15): 23-45.
- Ranis, G. et al. 2000. Economic growth and human development. *World Development* 28(2):197-219.
- Reiter, S.L. & Steensma, H.K. 2010. Human development and foreign direct investment in developing countries: The influence of FDI policy and corruption. *World Development* 38(12): 1678-1691.
- Shamsudin Razali. 2006. Impak perbelanjaan pendidikan oleh kerajaan ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia: kajian daripada data siri masa. Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Suri, T. et al. 2011. Paths to success: The relationship between human development and economic growth. *World Development* 39(4): 506-522.
- Teles, V.K. & Joaquim Andrade, J. 2008. Public investment in basic education and economic growth. *Journal of Economic Studies* 35(4): 352-264.
- UNDP. 2011. Laporan UNDP.

JADUAL 1: Analisis Deskriptif

Pembolehubah	Mean	Standard Deviation	Skewness
Indek Pembangunan Manusia (unit)	0.574	0.287	-0.329
KDNK Per Kapita Benar (RM)	12716.77	4804.92	0.473
Perbelanjaan Pendidikan (% daripada jumlah perbelanjaan kerajaan)	20.35	3.414	0.046
Perbelanjaan Kesihatan (% daripada jumlah perbelanjaan kerajaan)	5.72	1.254	0.077
Perbelanjaan Kerajaan (% daripada KDNK)	28.64	5.831	1.206
Penduduk Bandar (% daripada jumlah penduduk)	56.29	9.550	0.115
Akses Sumber Air (% daripada jumlah penduduk)	98.04	2.036	-0.538
Akses Kemudahan Sanitasi (% daripada jumlah penduduk)	91.57	4.069	-0.384
Stok Modal (RM Juta)	8844.23	5139.28	0.119
n+g+s (%)	12.4	0.392	-0.736

JADUAL 2: Nilai purata Indeks Pembangunan Manusia (HDI) Bagi Tempoh Tahun Tertentu

Tempoh Tahun	Nilai Purata HDI
1980-1985	0.151
1986-1990	0.369
1991-1995	0.538
1996-2000	0.708
2001-2005	0.825
2006-2010	0.941

JADUAL 3: Ujian Kepegunan Aras (*Unit Root Test*)

Pembolehubah	Penambahan Dickey-Fuller		Phillips-Perron	
	$t_{\mu}$	$t_{\Gamma}$	$Z(t_{\mu})$	$Z(t_{\Gamma})$
<b>A.Paras</b>				
Indeks pembangunan manusia	-0.444(1)	-3.221(1)	-0.444(1)	-3.221(1)
KDNK per kapita benar	0.218(1)	-3.206(1)	0.218(1)	-3.206(1)
Perbelanjaan Pendidikan	-1.172(1)	-2.902(1)	-1.172(1)	-2.502(1)
Perbelanjaan Kesihatan	-0.278(1)	-3.467(1)	-0.278(1)	-3.864(1)
Perbelanjaan Kerajaan	-1.641(1)	-1.876(1)	-1.641(1)	-1.876(1)
Penduduk Bandar	-0.833(1)	-1.507(1)	-0.833(1)	-1.507(1)
Akses Sumber Air	-2.673(1)	0.299(1)	-2.677(1)	-0.340(1)
Akses Kemudahan Sanitasi	-2.650(1)	-0.067(1)	-2.650(1)	0.067(1)
Stok Modal	-0.843(1)	-2.386(1)	-1.156(1)	-2.578(1)
s+g+n	0.652(1)	-1.954(1)	0.996(1)	-1.954(1)
<b>B.Bezaan Pertama</b>				
Indeks Pembangunan Manusia	-5.304*(1)	-5.190*(1)	-6.405*(1)	-6.313*(1)
KDNK per kapita benar	-4.862*(1)	-4.831*(1)	-5.715*(1)	-5.767*(1)
Perbelanjaan Pendidikan	-4.791*(1)	-4.834*(1)	-4.791*(1)	-4.834*(1)
Perbelanjaan Kesihatan	-4.881*(1)	-4.781*(1)	-5.379*(1)	-5.313*(1)
Perbelanjaan Kerajaan	-5.262*(1)	-5.971*(1)	-5.906*(1)	-6.061*(1)
Penduduk Bandar	-6.278*(1)	-6.247*(1)	-6.278*(1)	-6.247*(1)
Akses Sumber Air	-6.618*(1)	-8.477*(1)	-6.618*(1)	-8.477*(1)
Akses Kemudahan Sanitasi	-3.831*(1)	-4.548*(1)	-3.831*(1)	-4.548*(1)
Stok Modal	-3.819*(1)	-3.725*(1)	-3.819*(1)	-3.725*(1)

---

s+g+n	-3.345*(1)	-4.420*(1)	-3.140*(1)	-4.420*(1)
-------	------------	------------	------------	------------

---

Nota: Penambahan Dickey-Fuller (ADF)  $t_{\mu}$ : tanpa tren dan  $t_{\tau}$ : bertren. Phillips-Perron  $Z(t_{\mu})$ : tanpa tren dan  $Z(t_{\tau})$ : bertren. Angka dalam kurungan ialah lat optima menggunakan kriteria maklumat Akaike (AIC) dan tanda (\*) menunjukkan signifikan pada aras 5 peratus.

JADUAL 4: Pengiraan bagi Indeks Pembangunan Manusia, Stok Modal Dan (s+g+n)

---

### 1. Pengiraan Bagi Indeks Pembangunan Manusia

---

Dimensi Indeks: Nilai Nominal – Nilai Minimum  
Nilai Maksimum – Nilai Minimum

Petunjuk Yang Digunakan:

- Jangkaan hayat kelahiran (tahun)
- Kadar celik huruf (peratus)
- Kadar kemasukan ke sekolah (peratus)
- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Indeks Jangkaan Hayat:  $(\text{Jangkaan hayat} - 67) / (74 - 67)$

Indeks Pendidikan :  $(2/3 * \text{indeks kadar celik huruf}) + (1/3 * \text{indeks kadar kemasukan ke sekolah})$

Indeks KDNK:  $[\ln(\text{KDNK}) - \ln(\text{minimum KDNK})] / [\ln(\text{maksimum KDNK}) - \ln(\text{minimum KDNK})]$

Indeks Pembangunan Manusia:  $(1/3) * \text{indeks jangkaan hayat} + (1/3) * \text{indeks pendidikan} + (1/3) * \text{indeks KDNK}$

---

### 2. Pengiraan Bagi Stok Modal

---

= Jumlah modal fizikal (kadar pertumbuhan penduduk + kadar pertumbuhan teknologi + kadar susut nilai modal)

= Jumlah modal fizikal (kadar pertumbuhan penduduk + 5 peratus + 5 peratus)

---

### 3. Pengiraan Bagi s+g+n

---

= Kadar pertumbuhan penduduk + kadar pertumbuhan teknologi + kadar susut nilai modal

= kadar pertumbuhan penduduk + 5 peratus + 5 peratus

---